

## SIARAN MEDIA

### TEMPOH LULUS KEBENARAN MERANCANG (KM) MENJADI ‘CEPAT’ DAN ‘MUDAH’: SATU TINDAKAN PELAKSANAAN PROAKTIF DAN RESPONSIF KPKT

---

**PUTRAJAYA, 31 Mei 2023** – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil langkah proaktif untuk menambahbaik proses permohonan bagi Kebenaran Merancang (KM) terutamanya yang melibatkan sektor industri selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk memudah cara perniagaan.

Antara perkara yang diberi keutamaan dalam penambahbaikan adalah kajian untuk mengurangkan serta memendekkan tempoh proses permohonan Kebenaran Merancang yang ditetapkan di dalam OSC 3.0 Plus. Ini termasuk juga melihat kepada cadangan pindaan tempoh masa bagi pemajuan di bawah subseksyen 22(2A) dan seksyen 20B, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), di mana semua permohonan kebenaran merancang yang melibatkan perkara perancangan fizikal yang strategik dan berkepentingan negara hendaklah dirujuk kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk disesuaikan bagi mempermudah dan mempercepatkan tempoh proses permohonan.

YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan berkata, “Untuk memastikan negara terus berdaya saing, KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) telah meletakkan keutamaan dalam meneliti perkara-perkara yang boleh ditambah baik bagi membantu perniagaan berkembang, terutama untuk mengurangkan birokrasi dan menambah baik prosedur yang perlu.”

Tambah beliau, “Kementerian sedang mengenalpasti kaedah pengurangan protokol dan prosedur kelulusan kebenaran merancang. Namun begitu, pelaksanaannya adalah tanpa

menjejaskan kualiti perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dan dalam masa yang sama mematuhi semua perundangan yang berkaitan.”

Antara inisiatif-inisiatif yang akan dipertimbangkan untuk mempercepatkan proses permohonan Kebenaran Merancang adalah seperti berikut;

- Pelaksanaan proses Prasyarat, Pra-rundingan dan Semakan Teknikal (*Prerequisite, Pre-consultation and Technical Review*) yang lebih teratur dan bersepadu secara atas talian melalui modul baharu yang akan ditambahbaik ke dalam Sistem OSC 3.0 Plus Online sebelum mengemukakan permohonan rasmi kepada OSC; dan
- Yang kedua dengan memperkenalkan inisiatif Peraturan Kendiri (*Self-Regulation*), di mana *Principle Submitting Person* (PSP) diberi kuasa dan tanggungjawab untuk mengesahkan semua peraturan dan keperluan teknikal sesuatu permohonan telah dipatuhi. Inisiatif ini adalah khusus kepada kerja-kerja ubahsuai dan permohonan di dalam kategori KM Kecil.”

Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memudahcara kelulusan bagi permohonan pelan pemajuan dan permit pembinaan, antaranya adalah inisiatif E10 yang diperkenalkan oleh Majlis Perbandaran Kulim dan juga inisiatif *Kulai Fast Lane* (KFL) oleh Majlis Perbandaran Kulai, merupakan inisiatif rintis dalam mempercepatkan proses kelulusan permit pembinaan di kawasan yang telah dikhaskan atau dizonkan sebagai zon industri.

Inisiatif ini bertujuan untuk memudahcara proses pelaburan dan perniagaan melalui perancangan awal serta menyediakan platform interaksi yang lebih cekap antara pelabur dan PBT.

YB KM juga menambah, “Sebaik sahaja ia diperhalusi, inisiatif ini akan diseragamkan dan dijadikan kaedah untuk diperluaskan pelaksanaannya oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang lain.”

KPKT sentiasa responsif dan mengambil langkah proaktif sebagai komitmen dalam meningkatkan mutu perkhidmatan termasuklah untuk memudahkan urusan perniagaan melalui penambahbaikan proses dalam OSC 3.0 Plus.

*#MalaysiaMadani*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertiwi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

